

Literasi geografi aras rendah dalam kalangan mahasiswa geografi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Low – level geographic literacy among students of geography education at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

MUHAMMAD HAFIZ AMRI MAZMIN

E-mail: d078786@siswa.upsi.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.37134/geografi.vol8.1.4.2020>

Published online: 29 June 2020

To cite this article (APA): Muhammad Hafiz, A. M. (2020). Literasi geografi aras rendah dalam kalangan mahasiswa geografi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). *GEOGRAFI*, 8(1), 70-110.
<https://doi.org/10.37134/geografi.vol8.1.4.2020>

ABSTRAK Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap literasi geografi aras rendah mahasiswa pendidikan geografi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan ujian literasi geografi aras rendah. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan analisis regresi. Dapatan kajian ini menunjukkan literasi geografi aras rendah dalam kalangan mahasiswa pendidikan geografi di UPSI adalah berada di tahap yang sederhana (51.74%). Dapatan daripada analisis regresi pula menunjukkan bahawa pembolehubah X_7 iaitu kekerapan membaca buku mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan tahap literasi geografi dalam kalangan responden. Buktinya, bagi setiap 0.137 kali peningkatan kekerapan membaca buku dalam setahun menentukan tahap literasi geografi dalam kalangan responden. Dapatan daripada kajian ini penting dalam menunjukkan tahap literasi geografi dalam kalangan bakal guru yang akan ditempatkan di sekolah kelak selepas mereka menamatkan pengajian. Justeru, langkah sewajarnya perlu diambil oleh pihak berkaitan dalam membuat sesuatu intervensi bagi memastikan tahap literasi geografi dalam kalangan bakal pendidik berada pada tahap yang memuaskan.

Kata kunci: Literasi, literasi geografi, literasi geografi aras rendah, geografi.

ABSTRACT This study aims to determine the level of low – level geographic literacy among students of geography education at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). To achieve that goal, this study uses a survey study design and a low – level geographic literacy test. The collected data were analysed using descriptive statistics and regression analysis. The findings of this study show that the low level geographic literacy among students of geography education at UPSI is at a moderate level (51.74%). Findings from the regression analysis show that the variable X_7 namely the frequency of books reading has a positive and statistically significant relationship with the level of geographic literacy among the respondents. Evidently, for every 0.137 times increase in the frequency of a book reading for a year determines the level of geographic literacy among the respondents. Findings from this study are important in showing the level of geographic literacy among prospective educators who will be placed in schools after they have completed their study. Therefore, appropriate measures must be taken by the relevant parties in making an intervention to ensure the level of geographic literacy among prospective educators is at a satisfactory level.



Key words: Literacy, geographic literacy, low – level geographic literacy, geography

1. Pengenalan

Menurut *National Geographic* (2021), geografi merupakan satu disiplin ilmu yang mengkaji tentang hubungan diantara manusia dan persekitarannya. Geografi juga merupakan disiplin ilmu yang mengkaji tentang organisasi ruang dan persekitaran yang melibatkan saling kaitan dan interaksi antara manusia dan manusia, manusia dengan alam sekitar dan antara komponen alam sekitar di peringkat tempatan dan global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Ahli geografi bukan sahaja mengkaji tentang aspek fizikal seperti batuan, pantai, tumbuhan dan alam sekitar semata-mata. Malah, ahli geografi juga mengkaji tentang kependudukan, pembandaran, ekonomi, budaya dan sosial sesuatu masyarakat. Justeru, boleh dirumuskan bahawa disiplin ilmu geografi terbahagi kepada dua sub-bidang iaitu geografi fizikal dan manusia.

Disiplin ilmu geografi boleh dikatakan mempersiapkan seseorang individu untuk menjadi warganegara yang berdaya saing, berwawasan, dan berkebolehan menguruskan alam dan sumber semulajadi negara yang bersifat terhad secara bertanggungjawab. Malah untuk memilih tempat untuk tinggal, membuat sesuatu perjalanan ke tempat baharu, jenis perniagaan yang sesuai dijalankan di sesuatu kawasan, melakukan penebangan hutan secara besar-besaran bagi tujuan pembalakan dan pertanian, menggunakan racun kimia, membuang sampah ke dalam sungai atau di tepi jalan dan pelbagai lagi bentuk soalan-soalan asas lain dalam kehidupan memerlukan seseorang individu itu betul-betul memahami tentang geografi. Dalam lain perkataan, membuat keputusan kepada soalan-soalan yang dikemukakan ini memerlukan seseorang individu yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan nilai geografi yang baik. Individu yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan nilai geografi biasanya disebut sebagai celik geografi. Mereka yang celik geografi biasanya berusaha untuk memberi makna terhadap susun atur setiap objek yang terdapat dipermukaan bumi, melihat hubungan antara manusia, tempat dan alam sekitar dan dapat menggunakan kemahiran geografi dalam membuat keputusan dalam kehidupan sebenar. Justeru, mempelajari disiplin ilmu geografi di sekolah misalnya tidak seharusnya dilihat sebagai mempersiapkan seseorang pelajar itu untuk menjadi ahli geografi atau menceburi profesion yang berkait dengan geografi apabila mereka dewasa kelak. Tetapi, mempelajari disiplin ilmu geografi mempersiapkan seseorang pelajar itu untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab, patriotik kepada negaranya dan yang lebih penting ialah dapat membuat keputusan yang betul dalam kehidupan kelak.

Persoalannya, apakah itu celik/literasi geografi? Edelson (2011) menjelaskan bahawa literasi geografi merujuk kepada keupayaan berfikir dan membuat keputusan berdasarkan tiga komponen iaitu interaksi, hubungan dan implikasi. Ini kerana,





setiap tempat di dunia ini saling berinteraksi antara satu sama lain sama ada melibatkan aspek fizikal mahupun manusia. Misalnya, sistem ekonomi berupaya membuatkan manusia mentransformasikan sumber bahan mentah kepada objek yang mempunyai nilai sekaligus membolehkan objek tersebut diangkut, diguna dan dijual untuk manfaat manusia. Selain itu, komponen hubungan pula adalah memahami bagaimana bumi ini saling berhubung. Setiap kawasan di bumi ini adalah saling berkait dan mempunyai hubungan langsung atau tidak langsung antara satu dengan yang lain sama ada melibatkan komponen fizikal mahupun manusia. Contohnya, kemusnahan sungai yang dilakukan oleh manusia di kawasan hulu akan memberi impak negatif kepada kawasan hilir sungai. Komponen yang terakhir adalah implikasi yang bermaksud mengetahui untuk membuat suatu keputusan yang baik dan kemampuan untuk menilai kelebihan dan kekurangan berdasarkan nilai dan keutamaan yang ada. Contohnya, keputusan untuk membalak hutan secara besar-besaran akan menyebabkan kesan negatif kepada alam sekitar seperti pemanasan global, kemusnahan habitat haiwan liar dan hakisan tanah.

Sementara itu, Turner dan Leydon (2012) pula mendefinisikan literasi geografi sebagai keupayaan untuk memahami, memproses dan memanfaatkan data reruang dalam kehidupan seharian. Eve et al. (1994) pula mendefinisikan literasi geografi sebagai kebolehan mempamirkan pengetahuan tentang kedudukan sesuatu tempat dan menafsir makna yang terdapat dalam susun atur objek yang terdapat dalam ruang. Sementara itu, Oigara (2006) mendefinisikan literasi geografi dengan membuat pembahagian kepada tiga aras. Aras pertama adalah literasi geografi aras rendah yang merangkumi mengingati nama tempat dan lokasi sama ada pada skala tempatan mahupun global. Kemudian, aras kedua adalah literasi aras sederhana dimana keupayaan menghubungkan sesuatu aspek geografi antara satu sama lain. Akhir sekali iaitu aras ketiga merujuk kepada literasi aras tinggi yang membahaskan geografi secara kritikal. Bagi *North Carolina Geographic Alliance* (2020) pula, literasi geografi merupakan cara seseorang melihat, memahami dan berinteraksi dengan ruang persekitaran di sekelilingnya. Seseorang yang mempunyai tahap literasi geografi yang baik akan memahami ciri fizikal dan budaya yang saling berinteraksi serta kesannya terhadap alam sekitar. Selain itu, mereka juga peka terhadap perkara atau fenomena yang berlaku di dunia dan mampu untuk melihat sebarang corak, taburan dan interaksi antara aspek fizikal dan manusia. Ringkasnya, literasi geografi adalah keupayaan seseorang untuk mengabungkan komponen interaksi, hubungan dan implikasi untuk membantu membuat keputusan. Justeru, mempunyai masyarakat yang mempunyai tahap literasi geografi yang lemah akan menyebabkan negara menanggung kos dan kesan yang tinggi akibat membuat keputusan yang salah.

Memikirkan tentang peripentingnya mempunyai tahap literasi geografi yang baik, banyak kajian telah dijalankan bagi meneliti aspek ini (*Council and Foreign Relations* dan *National Geographic*, 2016; Kumaran et al., 2015; Mohd Faris, 2017; *National Geographic*, 2006, 2002; *San Diego University Geography Department*, 2016; Ottati, 2016) dan mendapati secara umumnya pelajar dan golongan belia mempunyai





tahap literasi sama ada pada peringkat sederhana atau lemah. Justeru, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meneliti tahap literasi geografi dalam kalangan mahasiswa pendidikan geografi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Ini penting kerana mereka ini kelak akan menjadi pendidik di sekolah dan sudah tentu mempunyai peranan besar dalam membentuk dan melahirkan warganegara yang mempunyai tahap literasi geografi yang baik. Bagaimana peranan besar ini dapat dimainkan dengan berkesan sekiranya bakal pendidik sendiri tidak mempunyai tahap literasi geografi pada tahap yang cemerlang. Bagi tujuan tersebut, kajian ini akan menggunakan definisi yang diberikan oleh Oigara (2006) iaitu pengetahuan geografi peringkat rendah seperti keupayaan mengingat nama dan lokasi dalam pelbagai jenis skala. Fokus diberikan kepada aspek ini kerana ia adalah aspek paling asas yang perlu dikuasai oleh guru-guru geografi. Malah aspek asas inilah yang seringkali digunakan untuk membezakan antara mereka yang celik geografi atau sebaliknya.

2. Sorotan Literatur

Terdapat banyak kajian yang dilakukan di luar negara yang menguji tahap literasi dalam kalangan pelajar sekolah, universiti dan belia. Antaranya tinjauan yang dilakukan oleh *National Geographic* (2002), melalui "*Roper 2020 Global Geography Literacy Survey*" ke atas sembilan buah negara. Antara negara yang terlibat adalah Amerika Syarikat, Kanada, Mexico, Britain, Prancis, Jerman, Itali, Sweden dan Jepun. Responden tinjauan ini adalah seramai 300 belia di setiap negara yang berumur 18 hingga 24 tahun. Selain itu, terdapat tambahan responden yang berumur 25 hingga 34 tahun. Dapatan kajian ini menunjukkan belia dari negara Sweden, Jerman dan Itali mendapat kedudukan yang tertinggi dengan peratusan 70% menjawab dengan tepat.

Manakala, kedudukan tersebut diikuti oleh Perancis (61%), Jepun (55%) dan Britain (50%). Kedudukan yang paling rendah adalah Kanada, Mexico dan Amerika Syarikat yang hanya mendapat markah kurang daripada 50% iaitu puratanya hanyalah sebanyak 23% yang dapat menjawab tepat. Di samping itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan belia Amerika Syarikat mempunyai pengetahuan yang lemah mengenai kedudukan Iraq dan Iran. Hanya 13% daripada mereka mampu menjawab dengan tepat kedudukan Iraq dan Iran sedangkan negara ini tidak asing dalam sejarah politik Amerika Syarikat terutamanya dalam penglibatan tidak langsung dan langsung Amerika Syarikat dalam Perang Iran-Iraq 1980 dan penglibatan Amerika Syarikat dan sekutunya melawan Iraq pada Perang Teluk 1990. Antara faktor yang mempengaruhi tahap literasi geografi responden adalah tahap pendidikan, capaian internet, kemahiran berbahasa asing, jantina dan kekerapan melancong ke luar negara. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan literasi geografi dalam kalangan belia lelaki lebih tinggi berbanding perempuan dalam kalangan lapan buah negara yang dikaji. Hanya negara Perancis yang menunjukkan keputusan sebaliknya.





Selain itu, kajian ini dilanjutkan oleh *National Geographic* (2006) dengan instrumen “*Roper Public Affairs 2006 Literacy Geography Literacy Study*” yang dibuat ke atas 510 belia di Amerika Syarikat sahaja. Majoriti responden mampu menjawab separuh soalan (54%) dengan tepat. Namun, literasi geografi mereka masih dikira rendah kerana 63% responden tidak dapat menentukan kedudukan Iraq di dalam peta. Hal ini merupakan satu kelemahan yang ketara memandangkan Amerika Syarikat telah melancarkan serangan ke atas Iraq sebanyak dua kali untuk menjatuhkan Saddam Hussein dalam Perang Teluk 1990 dan Perang Melawan Keganasan 2003. Selain itu, 1 per 3 daripada responden tidak dapat menentukan kedudukan Indonesia di dalam peta dunia. Hal ini juga merupakan satu kelemahan memandangkan Indonesia pernah menghadapi tsunami yang besar pada tahun 2004. Di samping itu, 71% daripada responden ini tidak mengetahui bahawa Amerika Syarikat merupakan pengeksport terbesar barangan dan perkhidmatan. Hampir separuh menjawab China sebagai pengeksport terbesar di dunia. Selain itu, hanya 50% responden lelaki dan 43% responden wanita yang dapat menentukan kedudukan New York dalam peta Amerika Syarikat. Antara faktor yang dikaji dalam kajian ini adalah pendidikan formal, capaian internet, jantina, status pendatang dan penilaian diri sendiri terhadap ilmu geografi. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan tahap literasi dalam kalangan belia Amerika Syarikat berada dalam tahap sederhana iaitu sebanyak 54%.



Kajian mengenai literasi geografi ini diteruskan lagi oleh *Council and Foreign Relations dan National Geographic* (2016) yang melibatkan golongan belia yang berusia 18 hingga 26 tahun di Amerika Syarikat. Seramai 1,203 responden yang mempunyai pendidikan formal selama dua atau empat tahun di kolej dan universiti telah dipilih untuk terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menguji responden mengenai aspek geografi, alam sekitar, dasar luar Amerika Syarikat, peristiwa antarabangsa dan ekonomi. Dapatan kajian menunjukkan purata responden yang menjawab tepat hanyalah 55%. Manakala, hanya 29% daripada responden dapat menjawab tepat dengan skor 66% ke atas. Selain itu, hanya 1% (17 daripada 1,203) dapat mendapat gred A dengan 91 % ke atas. Antara item soalan yang memperoleh skor peratus betul yang terendah ialah sebanyak 28% daripada responden tidak mengetahui bahawa Amerika Syarikat mempunyai perjanjian dengan Jepun di mana negara tersebut akan membantu Jepun jika diserang.

Selain itu, hanya 31% yang menjawab tepat tentang kedudukan Israel dalam peta dunia walaupun banyak bantuan kewangan daripada pembayar cukai warganegara Amerika Syarikat digunakan untuk memajukan negara Israel. Sementara itu, hanya 34% daripada mereka yang mengetahui mengenai negara Korea Selatan. Ini menunjukkan kelemahan yang ketara memandangkan Amerika Syarikat pernah terlibat dalam Perang Korea 1950 di Semenanjung Korea sehingga menyebabkan pemisahan di antara Korea Utara dan Korea Selatan. Seterusnya, mereka juga tidak mampu menjawab dengan tepat mengenai kedudukan-kedudukan negara di Timur Tengah. Contohnya, peratusan yang tepat mengenai negara ini hanyalah Iraq (49%), Iran (45%) dan Arab Saudi (61%). Kelemahan ketara tahap celik





geografi ini amat membimbangkan memandangkan soalan-soalan ini adalah perkara asas kepada warganegara Amerika Syarikat disebabkan peranan mereka yang banyak mencampuri urusan negara lain. Kajian ini juga mengambil kira penilaian responden terhadap kepentingan geografi dalam kehidupan seharian; 19% menjawab amat penting, 32% menjawab sangat penting, 34% menjawab sederhana penting, 14% menjawab kurang penting dan 2% menjawab sangat tidak penting.

Sementara itu, terdapat juga kajian yang dijalankan oleh Jabatan Geografi Universiti San Diego (2016) melalui instrument "*A Study of Young People's Geographical Knowledge, Global Awareness and Attitudes Towards Geography Education*". Responden kajian ini terdiri daripada pelajar sekolah tinggi dan kolej. Seramai 24 responden terdiri daripada murid sekolah tinggi manakala seramai 145 responden merupakan pelajar kolej. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah secara kuantitatif melalui tinjauan dan kualitatif melalui temubual. Berdasarkan dapatan kajian, majoriti daripada pelajar Amerika Syarikat kurang pengetahuan mengenai literasi geografi. Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan pelajar kolej juga berjaya menjawab lebih baik berbanding murid sekolah dengan purata sebanyak 20% lebih tepat. Ini jelas menunjukkan bahawa peningkatan usia dan tahun pengajian mempengaruhi tahap literasi geografi dalam kalangan responden.

Kemudian, mereka yang pernah melancong ke luar negara juga dapat menjawab dengan lebih baik berbanding dengan mereka yang tidak pernah melancong ke luar negara. Dapatan kajian ini menunjukkan purata 36% daripada murid sekolah dapat menjawab dengan tepat manakala purata 50% atau separuh daripada pelajar kolej dapat menjawab dengan tepat. Sementara itu, sebanyak 13% daripada murid sekolah dan 22% pelajar kolej menjawab dengan tepat mengenai kedudukan negara Syria, 42% murid sekolah dan 48% pelajar kolej menjawab dengan tepat mengenai kedudukan negara Mesir dan 46% murid sekolah dan 59% pelajar kolej menjawab dengan tepat mengenai kedudukan negara Korea Utara di dalam peta dunia. Dapatan daripada temubual menunjukkan murid-murid mempunyai sikap prihatin dan rasa ingin tahu terhadap isu-isu geografi seperti isu global dan hak asasi manusia.

Seterusnya, kajian yang dijalankan Ottati (2015) di Universiti Antarabangsa Florida. Kajian yang dijalankan oleh Ottati ini menggunakan kaedah gabungan iaitu kuantitatif dengan borang soal selidik dan kaedah kualitatif iaitu secara temubual. Responden kajian ini adalah pelajar baharu Universiti Antarabangsa Florida yang berjumlah seramai 187 pelajar. Responden ini terdiri daripada pelbagai jurusan seperti Sains Sukan, Hospitaliti dan Pengurusan Pelancongan, Kesihatan Awam dan Pendidikan. Kaedah kuantitatif dijalankan pada fasa pertama yang mempunyai 23 soalan. 10 soalan literasi geografi dan 13 soalan untuk menentukan demografi responden. Dapatan kajian fasa pertama ini adalah markah purata bagi responden adalah 6.9 daripada 10 (69%) menjawab tepat. 12 responden daripada 187 mendapat skor 100% dalam kesepuluh jawapan dan dua daripada 187 responden mendapat skor 20% iaitu yang paling rendah. Kekekapan markah yang paling tinggi adalah 70% iaitu 43 daripada 187 responden. Pada fasa kedua, pelajar yang mendapat 35% markah





yang paling rendah dan 20% markah tertinggi akan terlibat dalam temubual. Antara dapatan kajiannya adalah responden prihatin terhadap kekurangan literasi geografi masing-masing. Selain itu, responden kajian mengakui bahawa pengetahuan geografi yang mereka ada adalah sangat terhad. Namun, responden juga mengakui bahawa ilmu geografi adalah sangat penting dalam kehidupan dan alam pekerjaan.

Dalam konteks tempatan pula, terdapat kajian yang dilakukan oleh Kumaran et al. (2015) melalui tinjauan surat khabar *Malay Mail* terhadap 60 remaja di sekitar negeri Selangor, Perak dan Pulau Pinang. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden tidak tahu bahawa Malaysia mempunyai 13 buah negeri dan tiga Wilayah Persekutuan. Majoriti daripada mereka menjawab terdapat 14 buah negeri di Malaysia. Selain itu, hanya empat daripada 60 responden iaitu sebanyak 6.67% yang mampu menentukan nama semua negeri dalam peta kosong. Lebih mengejutkan lagi, hanya 45% daripada mereka pula mendapat skor lebih daripada separuh dan hanya sembilan daripada 90 responden iaitu 5.4% yang mampu menjawab tepat nama negeri berdasarkan bendera yang ditunjuk. Di samping itu, hanya 21 daripada 90 responden yang menjawab tepat mengenai pusat pentadbiran Malaysia iaitu Putrajaya. Majoriti daripada mereka menjawab Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran. Mengenai literasi peta dunia, hanya tiga responden sahaja yang mampu menunjukkan dengan tepat negara dalam peta kosong. Antara negara yang diuji adalah Korea Selatan, Brazil, Australia, Mesir, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Ada segelintir responden yang menjawab Australia sebagai Amerika Utara dan Amerika Syarikat merupakan jiran kepada Rusia.

Selain itu, kajian yang terkini dijalankan oleh Mohd Faris (2017) terhadap literasi geografi dalam kalangan murid tingkatan 4 di Malaysia. Kajian ini mengkaji hubungan tahap literasi geografi dengan pendidikan formal terhadap 1,031 orang responden. Kajian ini membahagikan literasi geografi kepada tiga domain iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai. Antara pembolehubah-pembolehubah yang digunakan oleh pengkaji adalah lokasi sekolah dan jantina. Berdasarkan domain pengetahuan, kajian menunjukkan tahapnya adalah sederhana iaitu 58%. Sebanyak 65% responden tidak dapat menjawab dengan tepat mengenai rakan dagang utama Malaysia iaitu Amerika Syarikat. Selain itu, hanya 43% sahaja yang menjawab tepat mengenai jumlah populasi penduduk Malaysia. Selain itu, tahap domain dalam kemahiran adalah 52%. Sebanyak 56% responden tidak dapat mengungkapkan maksud globalisasi dan 53% daripada responden gagal menentukan jenis pekerjaan di dalam peta topografi.

Dapatan kajian juga menunjukkan tahap domain nilai adalah 55% dimana 60% mempunyai nilai tanggungjawab, 55% prihatin terhadap biodiversiti negara dan 50% prihatin dan empati terhadap kemiskinan dan kelaparan di negara-negara Afrika. Selain itu, dapatan kajian mendapati tiada perbezaan yang signifikan diantara jantina dengan ketiga-tiga domain iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai. Seterusnya, majoriti lokasi sekolah tidak mempunyai hubungan yang ketara dengan literasi geografi responden. Hanya beberapa item sahaja yang menunjukkan hubungan yang ketara. Antaranya dalam domain pengetahuan, responden dari bandar





mendapat skor yang lebih tinggi dalam item mengenai ibu negeri, sungai terpanjang dan iklim. Namun, responden dari luar bandar pula mendapat skor yang lebih tinggi dalam item jumlah populasi penduduk Malaysia. Selain itu, bagi domain kemahiran pula responden dari luar bandar mendapat markah yang tinggi dalam item mengira peratus dan menentukan simbol-simbol dalam peta topografi. Manakala, domain nilai tidak menunjukkan sebarang hubungan yang ketara. Kesimpulannya, literasi dalam kalangan murid tingkatan 4 di Malaysia adalah sederhana iaitu sebanyak 55%.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat perbezaan kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu terutamanya dalam aspek metodologi, sasaran responden, pembolehubah dan dapatan kajian. Dalam aspek metodologi, terdapat kajian yang mengkaji tahap literasi menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Contohnya, kajian yang dijalankan oleh *National Geographic* (2002, 2006 dan 2016), Kumaran et al. (2015) dan Mohd Faris (2017) menggunakan pendekatan penyelidikan jenis kuantitatif. Selain itu, terdapat juga pengkaji yang menggunakan pendekatan penyelidikan jenis gabungan yang menggabungkan kuantitatif dan kualitatif. Contohnya kajian yang dilakukan oleh Jabatan Geografi Universiti San Diego (2016) dan Ottati (2015) telah menggunakan kaedah ini.

Berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Jabatan Geografi Universiti San Diego (2016) dan Ottati (2015), penyelidik hanya menggunakan kaedah kuantitatif sahaja seperti kajian yang telah dilakukan oleh *National Geography* (2002, 2006 dan 2016), Kumaran et al. (2015) dan Mohd Faris (2017). Hal ini kerana, kajian ini mengkaji mengenai literasi aras rendah seperti nama dan lokasi sesuatu kawasan. Di samping itu, objektif kajian ini adalah mengenal pasti tahap literasi geografi aras rendah dalam kalangan mahasiswa pendidikan geografi di UPSI dan menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap literasi geografi dalam kalangan mahasiswa pendidikan geografi di UPSI. Maka, pendekatan kuantitatif lebih sesuai memandangkan kajian ini menganalisis data menggunakan statistik deskriptif dan inferensi.

Di samping itu, kajian-kajian lepas juga menggunakan pembolehubah-pembolehubah yang berbeza. Contohnya, kajian yang dijalankan oleh Mohd Faris (2017) mengambil kira pembolehubah seperti lokasi sekolah dan jantina. Manakala, antara faktor-faktor lain yang dikaji oleh *National Geographic* (2002, 2006 dan 2016) adalah jenis medium penggunaan media, kebolehan berbahasa inggris, penggunaan internet, kekerapan melancong ke luar negara dan tahap pendidikan ibubapa. Selain itu, terdapat juga penilaian sendiri responden seperti menilai kepentingan kemahiran membaca peta, kepentingan mengambil tahu berita luar negara, penilaian tahap literasi geografi dan kepentingan bidang geografi dalam kehidupan harian dan pekerjaan. Berbeza dengan kajian-kajian sebelum ini, kajian yang dijalankan oleh penyelidik akan menfokuskan pembolehubah baharu seperti faktor kekerapan membaca buku, pendapatan ibubapa, tahap responden dalam meminati geografi semasa kecil dan minat orang-orang sekeliling seperti keluarga dan kawan-kawan terhadap geografi.



Seterusnya, dapatan kajian lepas juga berbeza. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh *National Geography* (2002), melalui "*Roper 2002 Global Geography Literacy Survey*" ke atas sembilan buah negara. Antara negara yang terlibat adalah Amerika Syarikat, Kanada, Mexico, Britain, Prancis, Jerman, Itali, Sweden dan Jepun. Dapatan kajian menunjukkan tahap literasi bagi jantina lelaki lebih tinggi berbanding dengan wanita di semua negara kecuali Prancis. Namun, kajian yang dijalankan oleh Mohd Faris (2017) menunjukkan tiada hubungan yang signifikan dalam perbezaan jantina terhadap tahap literasi geografi.

Terdapat beberapa langkah-langkah yang dicadangkan oleh pengkaji-pengkaji lepas untuk mengatasi masalah literasi geografi yang rendah. Antara Ottati (2015) yang mencadangkan untuk mengubah subjek geografi di sekolah daripada pembelajaran berkisakan kepada fakta semata-mata kepada pembelajaran yang meneroka interaksi antara manusia dan tempat. Selain itu, menekankan hubungan diantara subjek geografi dengan bidang-bidang yang lain seperti sejarah, ekonomi, pertanian, matematik dan perancangan bandar. Di samping itu, mengaitkan bahan belajar dengan kehidupan seharian dengan menunjukkan kepada murid-murid kepentingan pengetahuan geografi dengan persekitaran sekeliling. Akhirnya, membuat projek penyelidikan yang bermakna untuk pelajar dengan mengaitkan perspektif, pengetahuan dan kemahiran geografi dalam projek tersebut.

Selain itu, Mohd Faris (2017) juga mencadangkan untuk pendidikan geografi di Malaysia untuk memberi keutamaan dalam kemahiran membaca peta memandangkan domain tersebut yang paling lemah dalam kalangan murid-murid. Selain itu, mencadangkan agar guru-guru menggunakan kaedah baru seperti E-Learning dan perisian percuma seperti sistem maklumat geografi (GIS) untuk meningkatkan tahap literasi murid-murid ke arah yang lebih baik.

Kajian terhadap tahap literasi geografi banyak dijalankan di luar negara terutamanya di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan negara eropah. Tahap literasi geografi ini sangat penting untuk dipupuk dalam kalangan pelajar dan warga Malaysia dalam menyediakan sumber manusia yang bersedia menghadapi era globalisasi. Namun, kajian mengenai literasi geografi ini masih kurang dijalankan di Malaysia. Maka, penyelidik telah mengambil langkah untuk mengkaji tahap literasi geografi aras rendah dalam kalangan mahasiswa pendidikan geografi yang bakal menjadi seorang guru geografi kelak di Malaysia.

3. Data dan Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menganalisis data menggunakan statistik diskriptif bagi mendapatkan skor dan tahap literasi geografi dalam kalangan responden. Selain itu, kajian ini menggunakan analisis statistik inferensi iaitu khi-kuasa dua untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap literasi geografi dalam kalangan responden.



Soal selidik merangkumi empat bahagian iaitu (A) maklumat demografi dan faktor-faktor yang mempengaruhi literasi geografi aras rendah, (B) literasi geografi aras rendah konteks Malaysia, (C) literasi geografi aras rendah konteks dunia dan (D) literasi bendera negara dunia. Bahagian (A) iaitu maklumat demografi yang terdiri daripada soalan-soalan yang merangkumi pengesahan mahasiswa geografi, lokasi tempat tinggal, jantina dan semester. Selain itu, faktor-faktor yang mempengaruhi literasi geografi aras rendah terdiri daripada pembolehubah baharu seperti tahap responden dalam meminati geografi semasa kecil dan minat orang-orang sekeliling seperti keluarga dan kawan-kawan terhadap geografi. Selain itu, terdapat juga item yang mengambil pembolehubah lama seperti kekerapan membaca, jenis media, kekerapan melancong, pendapatan ibubapa dan kebolehan berbahasa Inggeris.

Selain itu, Bahagian (B) iaitu literasi geografi aras rendah konteks Malaysia merangkumi geografi fizikal dan manusia. Geografi fizikal terdiri daripada soalan seperti gunung tertinggi di Semenanjung Malaysia, selat yang memisahkan Semenanjung Malaysia dengan kepulauan Sumatera dan negara yang mempunyai iklim yang sama dengan Malaysia. Selain itu, geografi manusia terdiri daripada rakan dagang utama Malaysia, pembekal bawang tertinggi ke Malaysia dan kawasan yang mempunyai Kadar Kelahiran Kasar tertinggi di Malaysia.

Seterusnya, Bahagian (C) akan merangkumi skop literasi geografi aras rendah konteks dunia. Bahagian ini terbahagi kepada dua aspek iaitu aspek geografi fizikal dan manusia. Geografi fizikal akan merangkumi mengenai lautan, selat dan terusan serta pencemaran iklim di dunia. Selain itu, geografi manusia pula meliputi geografi ekonomi seperti negara pengeluar minyak mentah dan minyak sawit dunia. Selain itu, geografi penduduk yang merangkumi jumlah populasi muslim terbesar di dunia dan geografi bandar seperti nama ibu kota Korea Utara. Akhirnya, Bahagian (D) yang menguji literasi bendera-bendera negara dunia. Bahagian ini mengandungi lima soalan dengan empat pilihan jawapan. Antara bendera negara yang diuji adalah negara Korea Utara, Iran, Vietnam, Kanada dan India.

Penyelidik mengambil mahasiswa pendidikan geografi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai populasi kajian. Populasi ini merangkumi semua semester daripada semester satu (1) sehingga semester lapan (8). Hal ini kerana, mahasiswa pendidikan geografi UPSI merupakan bakal guru yang akan mendidik dan mengajar mata pelajaran geografi kepada murid-murid di sekolah. Maka, kajian ini bertujuan untuk menilai tahap literasi geografi aras rendah dalam kalangan bakal-bakal guru geografi pada masa akan datang. Jumlah populasi kajian adalah seramai 551 orang mahasiswa. Maka, penyelidik hanya dapat menguji sebanyak 221 orang mahasiswa sahaja iaitu sebanyak 40.11% daripada jumlah populasi kerana kekangan masa, wang dan tenaga.

Kajian rintis yang telah dijalankan menggunakan populasi daripada mahasiswa pendidikan islam UPSI. Kajian ini mengambil sampel sebanyak 30 orang responden untuk menjawab soal selidik yang telah diedarkan menggunakan *Google Form*. Kajian rintis ini dijalankan untuk menguji kebolehpercayaan item soal selidik. Oleh itu, nilai



kebolehpercayaan untuk bahagian A adalah 0.658, bahagian B dan C adalah 0.797; dan bahagian D adalah 0.696. Maka, nilai kebolehpercayaan ini sudah mencukupi untuk menjalankan kajian yang sebenar dengan mengambil mahasiswa pendidikan geografi UPSI sebagai sasaran kajian.

Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan ujian statistik deskriptif dan inferensi iaitu analisis regresi. Tahap literasi geografi dalam kalangan responden akan digunakan sebagai pembolehubah bersandar manakala faktor-faktor seperti jantina, lokasi, semester pengajian, kekerapan membaca dan lain-lain akan dijadikan sebagai pembolehubah bebas. Bentuk kefungsiian (*functional form*) yang digunakan dalam kajian ini adalah jenis linear. Bentuk kefungsiian jenis ini dipilih kerana ia lebih mudah untuk ditafsir berbanding dengan bentuk-bentuk kefungsiian-kefungsiian lain. Bagi memastikan pembolehubah bebas yang digunakan bebas daripada masalah multikolineariti, maka ujian *variance inflation factors* (VIF) digunakan. Bentuk kefungsiian regresi linear bagi kajian ini boleh ditunjukkan seperti berikut:

$$P_i = \beta_0 + \beta_1 X_{1i} + \beta_2 X_{2i} + \beta_3 X_{3i} + \beta_4 X_{4i} + \beta_5 X_{5i} + \beta_6 X_{6i} + \beta_7 X_{7i} + \beta_8 X_{8i} + \beta_9 X_{9i} + \beta_{10} X_{10i} + \beta_{11} X_{11i} + \varepsilon_i$$

dimana P_i mewakili tahap literasi geografi (pembolehubah bersandar), X_i sehingga X_{11} masing-masing mewakili pembolehubah lokasi, jantina, semester, minat, minat semasa kecil, minat ahli keluarga, kekerapan membaca dalam setahun, kebolehan berbahasa Inggeris, pendapatan ibubapa, kekerapan melancong dalam dan luar negara dan ε_i mewakili *standard error of the estimation*.

4. Dapatan Kajian

Bahagian ini akan membincangkan dapatan daripada kajian yang dijalankan bagi meneliti tahap literasi geografi aras rendah dalam kalangan mahasiswa geografi di UPSI.

4.1 Latar belakang responden

Bahagian ini menerangkan latar belakang responden yang merangkumi jantina dan lokasi tempat tinggal. Seramai 221 orang responden yang dipilih secara rawak untuk menjawab ujian literasi geografi aras rendah. Berdasarkan Jadual 4.1, seramai 71 daripada responden adalah berjantina lelaki dengan peratusan sebanyak 32.1%. Manakala, seramai 150 orang responden adalah berjantina wanita dengan peratusan sebanyak 67.9%. Selain itu, sebanyak 68 responden tinggal di kawasan bandar dengan peratusan sebanyak 30.8%. Manakala, responden yang tinggal di luar bandar adalah sebanyak 153 orang dengan peratusan 69.2%.

Jadual 1: Taburan profil responden yang merangkumi jantina dan lokasi tempat tinggal

Latar belakang responden	Bilangan	Peratusan (%)
<i>Jantina</i>		
Lelaki	71	32.1
Perempuan	150	67.9
<i>Lokasi tempat tinggal</i>		
Bandar	68	30.8
Luar bandar	153	69.2

Sumber: Kajian lapangan (2020)

4.2 Respon responden terhadap aspek minat, kebolehan berbahasa Inggeris, pendapatan ibubapa, pengalaman melancong, penggunaan media dan jenis sumber maklumat

Jadual 2 menunjukkan respon responden terhadap aspek minat, kebolehan berbahasa Inggeris dan pendapatan ibubapa. Jelas daripada jadual tersebut terdapat sebanyak 184 responden (83.3%) menjawab sangat minat terhadap geografi. Manakala hanya 37 (16.7%) menjawab tahap minat yang sederhana terhadap geografi. Tiada dalam kalangan responden yang menjawab kurang minat terhadap geografi (0%). Selain itu, dalam item meminati geografi semenjak kecil pula, sebanyak 81 responden (36.7%) yang mengaku telah meminati geografi semenjak kecil. Manakala sebanyak 124 responden (56.1%) menjawab sederhana. Selebihnya 16 responden (7.2%) menjawab kurang minat terhadap geografi.

Seterusnya, lebih daripada separuh (58.8%) mengakui mempunyai ahli keluarga yang meminati geografi. Manakala, selebihnya menjawab sederhana dan kurang minat terhadap geografi dengan peratusan 40.3% dan 0.9%. Selain itu, sebanyak 101 responden (45.7%) mengakui mempunyai kawan-kawan yang meminati geografi. Manakala yang menjawab sederhana dan kurang minat adalah sebanyak 109 (49.3%) dan 11 (5%). Di samping itu, sebanyak 141 daripada 221 responden mempunyai barangan yang berunsurkan geografi seperti peta dan globe bumi di rumah. Manakala selebihnya tidak mempunyai barangan yang berunsurkan geografi di rumah.

Di samping itu, sebanyak 4 daripada 221 responden menjawab sangat fasih dalam berbahasa Inggeris dengan peratusan sebanyak 1.8%. Manakala, sebanyak 38 menjawab fasih dengan peratusan sebanyak 17.2. Selain itu, peratusan yang menjawab sederhana adalah 69.2% dengan bilangan responden sebanyak 153. Akhirnya, yang menjawab kurang fasih dan sangat tidak fasih adalah 25 responden (11.3%) dan satu responden (0.5%) sahaja. Seterunya item pendapatan ibubapa. Berdasarkan kutipan data, sebanyak 55 orang responden (24.9%) mempunyai pendapatan ibubapa sebanyak RM 1,000 ke bawah. Manakala, sebanyak 108

responden (48.9%) mempunyai ibubapa yang berpendapatan dalam lingkungan sebanyak RM 1,000 sehingga RM 3,000. Selain itu, 35 responden (15.8%) dan 13 responden (5.9%) mempunyai ibubapa yang berpendapatan RM 3,000 sehingga RM 5,000 dan RM 5,000 sehingga RM 7,000. Akhirnya, sebanyak 10 orang responden mempunyai ibubapa yang berpendapatan melebihi RM 7,000 ke atas dalam sebulan.

Selain itu, kekerapan responden melancong dalam negara menunjukkan jumlah tertinggi adalah sebanyak 189 responden (85.5%) yang melancong sebanyak satu hingga lima kali setahun. Manakala, sebanyak 24 responden (10.9%) yang melancong sebanyak enam hingga 10 kali dalam setahun. Di samping itu, kekerapan melancong dalam negara sebanyak 11 hingga 15 kali dalam setahun adalah sebanyak 5 (2.3%) dan 16 kali ke atas adalah sebanyak 3 responden (1.4%). Di samping itu, untuk item kekerapan melancong ke luar negara juga menunjukkan sebanyak 190 daripada 221 responden (86%) tidak pernah melancong ke luar negara. Selebihnya menjawab satu hingga tiga kali iaitu sebanyak 30 orang responden dengan peratusan sebanyak 13.6%. Akhirnya satu responden (0.5%) menjawab pernah melancong ke luar negara sebanyak 4 hingga 7 kali.

Jadual 2: Respon responden terhadap aspek minat, kebolehan berbahasa Inggeris, pendapatan ibubapa dan pengalaman melancong

	Bilangan	Peratusan (%)
<i>Minat terhadap geografi</i>		
Sangat minat	184	83.3
Sederhana	37	16.7
Kurang minat	0	0
<i>Minat terhadap geografi semenjak kecil</i>		
Sangat minat	81	36.7
Sederhana	124	56.1
Kurang minat	16	7.2
<i>Ahli keluarga yang meminati geografi</i>		
Sangat minat	130	58.8
Sederhana	89	40.3
Kurang minat	2	.9
<i>Rakan-rakan yang meminati geografi</i>		
Sangat minat	101	45.7
Sederhana	109	49.3
Kurang minat	11	5.0
<i>Mempunyai barangan yang berunsurkan geografi di rumah</i>		
Ya	141	63.8
Tidak	80	36.2

*Kebolehan berbahasa Inggeris*

Sangat fasih	4	1.8
Fasih	38	17.2
Sederhana	153	69.2
Kurang Fasih	25	11.3
Sangat tidak fasih	1	0.5

Pendapatan ibu bapa

RM 1,000 ke bawah	55	24.9
RM 1,000 sehingga RM 3,000	108	48.9
RM 3,000 sehingga RM 5,000	35	15.8
RM 5,000 sehingga RM 7,000	13	5.9
RM 7,000 ke atas	10	4.5

Dalam negara

1 hingga 5 kali	189	85.5
6 hingga 10 kali	24	10.9
11 hingga 15 kali	5	2.3
16 kali ke atas	3	1.4

Luar negara

Tidak pernah	190	86.0
1 hingga 3 kali	30	13.6
4 hingga 7 kali	1	0.5


Sumber: Kajian lapangan (2020)

Rajah 1 menunjukkan peratusan bilangan bacaan responden. Majoriti responden membaca sebanyak satu hingga tiga buah buku dalam setahun dengan bilangan sebanyak 86 responden (38.9%). Selain itu, kekerapan yang kedua banyak adalah empat hingga enam buah iaitu sebanyak 61 daripada 221 responden (27.6%). Seterusnya, tujuh hingga sembilan buah setahun dengan kekerapan sebanyak 26 daripada 221 responden (11.8%). Di samping itu, kekerapan membaca sebanyak 10 hingga 12 buah buku mempunyai bilangan sebanyak 20 daripada 221 responden dengan peratusan sebanyak (9%). Terdapat juga responden yang membaca sebanyak 13 buah hingga 15 buah buku setahun dengan bilangan sebanyak lapan daripada 221 responden (3.6%). Akhinya, dilaporkan sebanyak 1.8% iaitu sebanyak empat daripada 221 responden yang tidak membaca dalam mana-mana buku, E-buku, majalah dan surat khabar dalam setahun.

Sementara itu bagi jenis medium bacaan responden (Rajah 2), majoriti daripada responden menyatakan bahawa mereka membaca daripada internet (98.7%), diikuti oleh buku (63.4%), e-buku (58.4%), surat khabar (41.2%), majalah (33.0%) dan lain-lain (3.0%). Bagi genre bacaan pula (Rajah 3), majoriti responden membaca bahan bacaan berkaitan geografi (89.1%) dan umum (86.6%). Genre bacaan terendah adalah




berkaitan dengan ekonomi. Akhir sekali bagi sumber utama carian maklumat bacaan di internet (Rajah 4), majoriti responden (92.3%) menjawab media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram*. Peratus kedua tertinggi adalah laman web berita tempatan seperti TV3, RTM dan ASTRO. Peratus terendah direkodkan bagi laman web luar negara seperti Bank Dunia (16.7%).




Rajah 1. Peratusan bilangan bacaan responden

Sumber: Kajian lapangan (2020)




Rajah 2. Peratusan medium bacaan responden

Sumber: Kajian lapangan (2020)



Rajah 3. Peratusan genre bacaan responden

Sumber: Kajian lapangan (2020)



Rajah 4. Peratusan sumber utama bacaan di internet responden

Sumber: Kajian lapangan (2020)

4.3 Literasi geografi aras rendah konteks Malaysia

Jadual 3 menunjukkan bilangan dan peratusan bagi item literasi geografi aras rendah konteks Malaysia. Berdasarkan Jadual 3 tersebut, sebanyak 182 daripada 221 responden (82.4%) berjaya menjawab dengan betul mengenai selat yang memisahkan Semenanjung Malaysia dengan Kepulauan Sumatera. Manakala, selebihnya

menjawab salah dengan peratusan sebanyak 17.7%. Selain itu, sebanyak 154 daripada 221 responden (96.7%) menjawab salah mengenai negara yang mempunyai iklim yang sama dengan Malaysia. Peratusan yang menjawab betul hanyalah 30.3% dengan bilangan sebanyak 30.3%. Kemudian, bagi soalan gunung yang tertinggi di Semenanjung Malaysia pula, peratusan menjawab salah adalah lebih daripada separuh iaitu sebanyak 52.9% manakala yang menjawab betul hanyalah 104 daripada 221 responden dengan peratusan sebanyak 47.1%.


Di samping itu, bilangan yang menjawab betul mengenai rakan dagang utama Malaysia adalah sebanyak 160 daripada 221 responden (72.4%). Manakala yang menjawab salah adalah 61 orang responden (27.7%). Selain itu, kekerapan yang menjawab betul bagi negara pembekal bawang tertinggi Malaysia adalah 178 (80.5%) dan yang menjawab salah adalah 43 (19.5%). Akhirnya, kekerapan yang menjawab betul bagi kawasan yang mempunyai Kadar Kelahiran Kasar Tertinggi di Malaysia adalah 46 (20.8%) dan yang menjawab salah adalah 175 (79.1%).

Jadual 3: Bilangan dan peratusan bagi item literasi geografi aras rendah konteks Malaysia

Bilangan dan peratusan bagi item literasi aras rendah konteks Malaysia	Betul	Peratus %	Salah	Peratus %
1. Selat yang memisahkan Semenanjung Malaysia dan kepulauan Sumatera.	182	82.4	39	17.7
2. Negara yang mempunyai iklim yang sama dengan Malaysia.	67	30.3	154	96.7
3. Gunung yang paling tinggi di Semenanjung Malaysia.	104	47.1	117	52.9
4. Rakan dagang Utama Malaysia.	160	72.4	61	27.7
5. Pembekal bawang tertinggi Malaysia.	178	80.5	43	19.5
6. Kadar Kelahiran Kasar Tertinggi negara.	46	20.8	175	79.1

Sumber: Kajian lapangan (2020)


Rajah 5 menunjukkan responden kepada soalan “selat yang memisahkan Semenanjung Malaysia dengan kepulauan Sumatera”. Sebanyak 182 daripada 221 responden menjawab betul iaitu Selat Melaka dengan peratusan sebanyak 82.4%. Manakala yang lain menjawab salah. Sebanyak 3.2% dengan kekerapan sebanyak tujuh daripada 221 responden menjawab Selat Tebrau. Selain itu, sebanyak 25 daripada 221 (11.3%) responden menjawab Selat Sunda. Manakala, seorang (0.5%) pula menjawab Selat Makassar. Selebihnya, sebanyak enam orang (2.7%) menjawab tidak tahu.



Rajah 5: Respon kepada soalan “selat yang memisahkan Semenanjung Malaysia dengan kepulauan Sumatera”

Sumber: Kajian lapangan (2020)


Rajah 6 pula menunjukkan respon kepada soalan “negara yang mempunyai iklim yang sama dengan Malaysia” pula menunjukkan hanya 67 daripada 221 orang responden (30.3%) yang dapat menjawab dengan betul. Manakala, majoriti menjawab salah dengan mengatakan Thailand sebagai negara yang sama iklim dengan Malaysia dengan kekerapan sebanyak 126 daripada 221 orang responden (57%). Manakala sebanyak 26 daripada 221 (11.8%) menjawab Myanmar. Selebihnya, sebanyak dua daripada 221 (0.9%) responden menjawab India.



Rajah 6: Respon kepada soalan “negara yang mempunyai iklim yang sama dengan Malaysia”


Sumber: Kajian lapangan (2020)

Di samping itu, Rajah 7 pula menunjukkan sebanyak 104 daripada 221 (46.8%) menjawab betul bagi soalan gunung tertinggi di Semenanjung Malaysia. Manakala selebihnya pula menjawab salah. Terdapat 88 daripada 221 (39.6%) menjawab Gunung Kinabalu sebagai gunung yang tertinggi di Semenanjung Malaysia sedangkan ia berada di kepulauan Borneo. Selain itu, sebanyak 15 daripada 221 (6.8%) menjawab Gunung Korbu dan selebihnya menjawab Gunung Jerai (6.3%).



Rajah 7: Respon kepada soalan “gunung yang paling tinggi di Semenanjung Malaysia”
Sumber: Kajian lapangan (2020)


Berdasarkan Rajah 8, majoriti daripada responden menjawab betul bagi soalan “rakan dagang utama Malaysia” iaitu China dengan kekerapan sebanyak 160 daripada 221 responden (72.4%). Manakala, selebihnya menjawab salah. Selebihnya menjawab Amerika Syarikat (7.7%), Singapura (14.6%), Thailand (4.1%) dan Tidak Tahu (1.4%).



Rajah 8: Respon kepada soalan “rakan dagang utama Malaysia”

Sumber: Kajian lapangan (2020)


Rajah 9 pula menunjukkan respon kepada soalan “pembekal bawang tertinggi di Malaysia”. Majoriti daripada responden dapat menjawab dengan betul iaitu India dengan kekerapan sebanyak 178 daripada 221 (80.5%). Manakala, yang lain menjawab salah dengan peratusan sebanyak 19.5%. sebanyak 17 daripada 221 menjawab Thailand dengan peratusan sebanyak 7.7%. Manakala, yang menjawab China pula adalah sebanyak 6.8%. Akhirnya, yang menjawab Singapura dan Tidak Tahu adalah 0.5% dan 4.5%.



Rajah 9: Respon kepada soalan “pembekal bawang tertinggi di Malaysia”

Sumber: Kajian lapangan (2020)

Rajah 10 pula menunjukkan respon kepada soalan “Kadar Kelahiran Kasar Tertinggi negara”. Hanya 20.7% sahaja berjaya menjawab dengan tepat iaitu W.P. Putrajaya sebagai kawasan yang mempunyai Kadar Kelahiran Kasar Tertinggi di Malaysia. Selebihnya menjawab salah. Majoriti menjawab Kelantan (33.8%) dan Selangor (28.4) sebagai jawapan. Malah, terdapat juga responden yang menjawab Pahang (6.3%). Manakala, yang menjawab Tidak Tahu adalah sebanyak 10.4%.



Rajah 10: Respon kepada soalan “Kadar Kelahiran Kasar Tertinggi negara”

Sumber: Kajian lapangan (2020)

4.2 Literasi geografi aras rendah konteks dunia

Jadual 4 menunjukkan bilangan dan peratusan bagi item literasi geografi aras rendah konteks dunia. Sebanyak 82 daripada 221 responden (37.6%) menjawab dengan betul mengenai negara yang tidak terlibat dengan sepadan *Golden Triangle* di Asia Tenggara. Manakala, selebihnya (62.4%) pula menjawab salah. Selain itu, peratusan yang menjawab betul adalah lebih tinggi daripada salah bagi soalan lautan yang memisahkan benua Amerika dengan Asia. Kekerapan yang menjawab betul adalah 125 daripada 221 (56.6%), manakala yang menjawab salah adalah 96 daripada 221 (43.4%). Seterusnya, bagi soalan terusan yang menghubungkan lautan Atlantik dan Pasifik pula, sebanyak 30.3% menjawab betul dan 69.7% menjawab salah.

Seterusnya, sebanyak 80 daripada 221 responden (36.2%) menjawab betul bagi soalan selat yang memisahkan benua Eropah dan Afrika. Manakala, sebanyak 141 (63.8%) menjawab salah. Kemudian, bagi soalan negara yang paling tinggi menghasilkan Karbon Dioksida di Asia Tenggara pula, sebanyak 75.1% menjawab betul. Manakala, selebihnya menjawab salah dengan peratusan sebanyak 24.9%. Selain itu, soalan negara yang menyambut hari Natal pada musim panas pula mendapat respon betul sebanyak 18.1% sahaja dengan kekerapan sebanyak 40 daripada 221 orang responden. Manakala, selebihnya menjawab salah dengan peratusan sebanyak 82% dengan kekerapan 181 daripada 221 orang responden.

Di samping itu, hanya 26.2% sahaja dapat menjawab dengan betul bagi soalan musim sejuk di Afrika Selatan. Manakala, selebihnya menjawab salah dengan peratusan sebanyak 73.8%. Kemudian, lebih daripada separuh dapat menjawab dengan betul mengenai benua bagi negara Mesir dengan peratusan sebanyak 53.8%. Manakala, selebihnya menjawab salah dengan peratusan sebanyak 46.2%. Seterusnya,

hanya 13.1% sahaja berjaya menjawab dengan betul bagi soalan negara pengeluar minyak tertinggi di dunia. Manakala, sebanyak 87% menjawab salah.

Di samping itu, lebih separuh gagal menjawab dengan betul mengenai negara pengeluar minyak sawit tertinggi di dunia dengan peratusan sebanyak 66.6%. Manakala, hanya 33.5% sahaja yang berjaya menjawab dengan betul. Seterusnya, item bagi warganegara pelarian tertinggi di dunia pula, sebanyak 66.9% gagal menjawab dengan tepat iaitu dengan kekerapan sebanyak 148 daripada 221 orang responden. Seterusnya, lebih separuh daripada responden gagal menjawab dengan betul mengenai negara yang mempunyai populasi muslim tertinggi dunia iaitu dengan peratusan sebanyak 57.8%. Manakala sebanyak 42.1% menjawab dengan betul. Selain itu, lebih daripada separuh berjaya menjawab soalan mengenai ibu negara Korea Utara dengan peratusan sebanyak 60.6%. Manakala, selebihnya menjawab salah dengan peratusan sebanyak 39.5%. Akhirnya, lebih daripada separuh berjaya menjawab soalan mengenai sepadan yang memisahkan Korea Utara dan Selatan dengan peratusan sebanyak 55.2%. Manakala, peratusan yang menjawab salah adalah sebanyak 44.8%.


Jadual 4: Bilangan dan peratusan bagi item literasi geografi aras rendah konteks dunia

Bilangan dan peratusan bagi item literasi aras rendah konteks dunia		Betul	Peratus %	Salah	Peratus %
1.	Negara yang tidak terlibat dengan sepadan <i>Golden Triangle</i> di Asia Tenggara.	83	37.6	138	62.4
2.	Lautan yang memisahkan benua Amerika dengan Asia.	125	56.6	96	43.4
3.	Terusan yang menghubungkan lautan Atlantik dan Pasifik.	67	30.3	154	69.7
4.	Selat yang memisahkan benua Eropah dan Afrika.	80	36.2	141	63.8
5.	Negara yang paling tinggi menghasilkan Karbon Dioksida (CO ₂) di Asia Tenggara.	166	75.1	55	24.9
6	Negara yang menyambut hari natal pada musim panas.	40	18.1	181	82
7	Musim sejuk di Afrika Selatan.	58	26.2	163	73.8
8	Benua bagi negara Mesir.	119	53.8	102	46.2
9	Negara pengeluar minyak mentah tertinggi dunia.	29	13.1	192	87
10	Negara pengeluar minyak sawit tertinggi dunia.	74	33.5	147	66.6
11	Warganegara pelarian yang tertinggi.	73	33	148	66.9

12	Populasi muslim tertinggi di dunia.	93	42.1	128	57.8
13	Ibu negara Korea Utara.	134	60.6	87	39.5
14	Sepadan antara Korea Utara dan Selatan.	99	44.8	122	55.2

Sumber: Kajian lapangan (2020)


Berdasarkan Rajah 11, majoriti daripada responden berjaya menjawab dengan betul bagi respon kepada soalan “negara yang tidak terlibat dengan sepadan *Golden Triangle* di Asia Tenggara”. Peratusan yang menjawab betul iaitu negara Vietnam adalah 37.4%. Manakala sebanyak 21.2% menjawab Laos. Selebihnya menjawab Thailand (14.9%), Myanmar (8.6%) dan Tidak Tahu (17.6%). Hal ini membimbangkan kerana kawasan *Golden Triangle* merupakan kawasan yang popular di Asia Tenggara memandangkan ia menjadi sepadan semulajadi bagi tiga buah negara iaitu Myanmar, Laos dan Thailand.



Rajah 11: Respon kepada soalan “negara yang tidak terlibat dengan sepadan *Golden Triangle* di Asia Tenggara”


Sumber: Kajian lapangan (2020)

Berdasarkan Rajah 12 pula, majoriti berjaya menjawab Lautan Pasifik bagi soalan “lautan yang memisahkan benua Amerika dengan Asia” dengan peratusan sebanyak 56.6%. Terdapat juga dalam kalangan responden yang menjawab Lautan Atlantik (25.3%). Lebih menyedihkan lagi, ada dalam kalangan responden yang menjawab Lautan Hindi sebagai jawapan kepada lautan yang memisahkan benua Amerika dengan Asia. Terdapat juga responden yang menjawab tidak tahu dengan peratusan sebanyak 2.3%.



Rajah 12: Respon kepada soalan “lautan yang memisahkan benua Amerika dengan Asia”
Sumber: Kajian lapangan (2020)


Berdasarkan Rajah 13 pula, hanya 30% daripada kalangan responden yang berjaya menjawab dengan betul bagi soalan “terusan yang menghubungkan Lautan Atlantik dan Pasifik” iaitu Terusan Panama. Selebihnya gagal menjawab dengan betul iaitu Terusan Suez (53%), Terusan Eric (2%) dan Terusan Korea (15%). Hal ini sangat membimbangkan kerana pilihan jawapan yang salah bukan di kawasan yang berdekatan dengan Lautan Pasifik dan Lautan Atlantik. Contohnya, Terusan Suez berada di kawasan yang sangat jauh dengan Lautan Pasifik. Malah, Selat Korea pula berada jauh daripada Lautan Atlantik. Hal ini menunjukkan, kebanyakan responden tidak tahu kedudukan Lautan Atlantik dan Pasifik di peta dunia sehingga memberikan jawapan Terusan Suez sebagai penghubung kepada kedua-dua lautan tersebut.



Rajah 13: Respon kepada soalan “terusan yang menghubungkan lautan Atlantik dan Pasifik”

Sumber: Kajian lapangan (2020)


Bagi respon kepada soalan “selat yang memisahkan benua Eropah dan Afrika” (Rajah 14) menunjukkan bahawa 36.2% sahaja yang berjaya menjawab Selat Gibraltar sebagai jawapan. Selebihnya menjawab salah. Sebanyak 38.9% menjawab Tidak Tahu. Di samping itu, terdapat juga responden yang menjawab Selat Inggeris (14.5%), Selat Bosphorous (5.9%) dan Selat Estonia (4.5%). Hal ini menunjukkan majoriti mahasiswa pendidikan geografi di UPSI tidak mengetahui selat yang memisahkan benua Eropah dan Afrika.



Rajah 14: Respon kepada soalan “selat yang memisahkan benua Eropah dan Afrika”

Sumber: Kajian lapangan (2020)


Di samping itu, Rajah 15 pula menunjukkan sespon kepada soalan “negara yang paling tinggi menghasilkan Karbon Dioksida (CO₂) di Asia Tenggara”. Majoriti berjaya menjawab dengan betul iaitu Indonesia dengan peratusan sebanyak 75.1%. Manakala, selebihnya menjawab Tidak Tahu (8.6%), Myanmar (0.9%), Singapura (11.8%) dan Malaysia (3.6%). Hal ini menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa pendidikan geografi di UPSI tahu mengenai pencemaran udara di rantau Asia Tenggara.



Rajah 15: Respon kepada soalan “negara yang paling tinggi menghasilkan Karbon Dioksida (CO₂) di Asia Tenggara”

Sumber: Kajian lapangan (2020)


Rajah 16 menunjukkan respon kepada soalan “negara yang menyambut Hari Natal pada musim panas”. Sebanyak 18% berjaya menjawab dengan betul iaitu New Zealand. Manakala selebihnya menjawab salah iaitu Malaysia (29%), Indonesia (14%), Jerman (9%) dan Tidak Tahu (30%). Hal ini kerana, kedudukan New Zealand di Hemisfera Selatan menyebabkan negara tersebut mengalami musim panas pada bulan Disember. Sekaligus menyebabkan negara tersebut menyambut Hari Natal pada musim panas. Manakala, negara-negara di Hemisfera Utara seperti United Kingdom, Perancis dan Jerman mengalami musim sejuk. Manakala, negara yang berada di garisan khatulistiwa pula tidak mengalami perubahan empat musim seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand.



Rajah 16: Respon kepada soalan “negara yang menyambut hari natal pada musim panas”

Sumber: Kajian lapangan (2020)


Seterusnya, Rajah 17 menunjukkan respon mengenai soalan “musim sejuk di Afrika Selatan”. Majoriti menjawab Tidak iaitu sebanyak 58.4%. Manakala yang menjawab dengan betul iaitu Ya adalah 26.2% sahaja. Manakala selebihnya menjawab Tidak Tahu (15.4%). Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden tidak tahu mengenai iklim di Afrika Selatan.



Rajah 17: Respon kepada soalan “musim sejuk di Afrika Selatan”

Sumber: Kajian lapangan (2020)


Rajah 18 menunjukkan Respon kepada soalan “benua bagi negara Mesir”. Lebih daripada separuh responden dapat menjawab dengan betul mengenai benua bagi negara Mesir iaitu Afrika dengan peratusan sebanyak 53.8%. Manakala, ramai yang menjawab Asia sebagai benua negara Mesir dengan peratusan sebanyak 24%. Selebihnya menjawab Tidak Tahu (10.9%), Oceania (8.6%) dan Amerika Selatan (2.7%).



Rajah 18: Respon kepada soalan “benua bagi negara Mesir”

Sumber: Kajian lapangan (2020)


Rajah 19 menunjukkan respon kepada soalan “negara pengeluar minyak mentah tertinggi dunia”. Hanya 13.1% sahaja yang berjaya menjawab dengan betul iaitu Amerika Syarikat. Manakala, ramai yang menjawab Arab Saudi iaitu dengan peratusan sebanyak 76.5%. Selepas itu, terdapat juga yang menjawab Brunei (6.8%), Venezuela (1.4%) dan Tidak Tahu (2.3%).



Rajah 19: Respon kepada soalan “negara pengeluar minyak mentah tertinggi dunia”

Sumber: Kajian lapangan (2020)


Rajah 20 menunjukkan respon kepada soalan “negara pengeluar minyak sawit tertinggi dunia”. Majoriti menjawab salah dengan mengatakan Malaysia (53.4%), Brazil (6.8%) , Afrika Selatan (3.2%) dan Tidak Tahu (3.2%). Manakala yang menjawab dengan betul iaitu Indonesia hanyalah sebanyak 36.7%.



Rajah 20: Respon kepada soalan “negara pengeluar minyak sawit tertinggi dunia”

Sumber: Kajian lapangan (2020)


Rajah 21 pula menunjukkan respon kepada soalan “warganegara pelarian yang tertinggi di dunia. Hanya 33% sahaja berjaya menjawab dengan betul iaitu negara Syria. Manakala, selebihnya menjawab salah. Lebih daripada separuh responden menjawab Myanmar (52%). Kemudian, terdapat juga yang menjawab Palestin (9.5%), dan Afgahnistan (0.9%). Manakala, terdapat juga daripada kalangan responden yang menjawab Tidak Tahu (4.5%).



Rajah 21: Respon kepada soalan “warganegara pelarian yang tertinggi.”

Sumber: Kajian lapangan (2020)


Selain itu, Rajah 22 pula menunjukkan peratusan respon kepada soalan “populasi muslim tertinggi di dunia”. Majoriti daripada responden berjaya menjawab Indonesia sebagai jawapan dengan peratusan betul sebanyak 42.1%. Manakala, lain-lain menjawab Arab Saudi (35.7%), China (14.9%), India (5.4%) dan Tidak Tahu (1.8%).



Rajah 22: Respon kepada soalan “populasi muslim tertinggi di dunia.”

Sumber: Kajian lapangan (2020)


Rajah 23 pula menunjukkan majoriti berjaya menjawab dengan tepat dengan mengatakan Pyongyang sebagai ibu negara Korea Utara dengan peratusan sebanyak 60.6%. Manakala, sebanyak 33.5% menjawab Seoul. Manakala, selebihnya menjawab Taipei iaitu ibu negara Taiwan (1.4%), Incheon (4.1%) dan Tidak Tahu (0.5%).



Rajah 23: Respon kepada soalan “ibu negara Korea Utara”

Sumber: Kajian lapangan (2020)

Akhir sekali iaitu Rajah 24 pula menunjukkan majoriti berjaya menjawab betul dengan mengatakan Garis Selari Utara ke 38 dengan peratusan sebanyak 44.8%. Manakala selebihnya menjawab salah dengan menyatakan Selat Tsushima (3.6%), Gunung Halla (8.6%), Selat Korea (12.1%) dan Tidak Tahu (29.9%).



Rajah 24: Respon kepada soalan “sepadan antara Korea Utara dan Selatan.”

Sumber: Kajian lapangan (2020)

4.3 Tahap literasi bendera dunia

Bahagian ini membincangkan mengenai tahap literasi bendera dunia dalam kalangan mahasiswa pendidikan geografi di UPSI. Berdasarkan Jadual 3, terdapat lima (5) item yang diuji dalam kalangan responden. Bagi item bendera negara Korea Utara, sebanyak 161 daripada 221 responden menjawab betul dengan peratusan sebanyak 72.9%. Manakala yang menjawab salah bagi bendera Korea Utara adalah sebanyak 60 orang responden dengan peratusan sebanyak 27.1%. Selain itu, bagi bendera negara Iran pula, sebanyak 149 daripada 221 (67.4%) telah berjaya menjawab dengan tepat manakala hanya 72 daripada 221 (32.6%) sahaja yang menjawab dengan salah. Kemudian, sebanyak 167 responden (75.6%) telah menjawab dengan betul bagi item bendera Vietnam manakala hanya 54 responden (24.5%) yang menjawab salah. Kemudian, bagi item negara Kanada pula, sebanyak 195 daripada 221 responden telah menjawab dengan betul dengan peratusan sebanyak 88.2%. Manakala, yang menjawab salah hanyalah 26 responden dengan peratusan sebanyak 11.8%. Akhirnya, peratusan berjaya menjawab dengan betul mengenai bendera negara India adalah 89.6% dengan bilangan sebanyak 198 daripada 221 responden. Manakala, peratusan yang menjawab salah adalah 10.5% dengan kekerapan sebanyak 23 daripada 221 responden.

Jadual 6: Bilangan dan peratusan bagi item bendera negara di dunia


Bilangan dan peratusan bagi item bendera negara di dunia	Betul	Peratus %	Salah	Peratus %
1. Bendera negara Korea Utara	161	72.9	60	27.1



2.	Bendera negara Iran	149	67.4	72	32.6
3.	Bendera negara Vietnam	167	75.6	54	24.5
4.	Bendera negara Kanada	195	88.2	26	11.8
5.	Bendera negara India	198	89.6	23	10.5

Sumber: Kajian lapangan (2020)

Rajah 25 menunjukkan majoriti menjawab betul untuk respon kepada soalan “bendera negara Korea Utara” dengan peratusan sebanyak 72.5%. Namun, sangat menyedihkan kerana terdapat responden yang menjawab salah. Sebanyak 5.9% menjawab Hong Kong, 5.4% menjawab Korea Selatan, 11.7% menjawab Taiwan dan 4.1% menjawab Tidak Tahu.




Rajah 25: Respon kepada soalan “bendera negara Korea Utara”

Sumber: Kajian lapangan (2020)

Sementara itu, Rajah 26 pula menunjukkan lebih daripada separuh menjawab betul dengan peratusan sebanyak 67.4%. Manakala, terdapat responden yang menjawab Pakistan (14.5%), Lubnan (6.3%), Arab Saudi (5%) dan Tidak Tahu (6.8%).






Rajah 26: Respon kepada soalan “bendera negara Iran”

Sumber: Kajian lapangan (2020)

Selain itu, Rajah 27 menunjukkan respon kepada soalan “bendera negara Vietnam”. Majoriti dapat menjawab dengan betul iaitu sebanyak 75.6%. Namun, terdapat dalam kalangan responden yang menjawab China (17.6%), Laos (2.3%), Taiwan (2.3%) dan Tidak Tahu (2.3%).




Rajah 27: Respon kepada soalan “bendera negara Vietnam”

Sumber: Kajian lapangan (2020)


Seterusnya, Rajah 28 pula menunjukkan respon respon kepada soalan “bendera negara Kanada”. Sebanyak 88.2% berjaya menjawab dengan betul. Selebihnya menjawab salah iaitu Finland (4.1%), Ireland (1.8%), Jerman (2.3%) dan Tidak Tahu (3.6%). Seterusnya, Rajah 29 pula menunjukkan respon respon kepada soalan “bendera negara India”. Sebanyak 89.2% berjaya menjawab dengan betul.

Selebihnya menjawab salah iaitu Bangladesh (5%), Sri Langka (5%) dan Bhutan (0.5%).



Rajah 28: Respon kepada soalan “bendera negara Kanada”

Sumber: Kajian lapangan (2020)




Rajah 29: Respon kepada soalan “bendera negara India”

Sumber: Kajian lapangan (2020)

4.4 Skor keseluruhan literasi geografi aras rendah dalam kalangan mahasiswa pendidikan geografi di UPSI

Rajah 30 menunjukkan skor keseluruhan literasi geografi aras rendah dalam kalangan responden yang dikaji dan mendapati majoriti daripada responden mendapat skor keseluruhan sebanyak sembilan daripada 25 soalan dengan peratusan sebanyak

11.3%. Manakala terdapat dua bilangan kedua besar iaitu kekerapan betul 10 dan 15 daripada 25 soalan dengan kekerapan 20 daripada 221 responden dengan peratusan 9%. Di samping itu, skor yang paling rendah adalah tiga daripada 25 soalan dengan kekerapan dua daripada 221 (0.9%). Manakala yang mendapat markah penuh dengan mendapat skor 100% adalah satu orang sahaja daripada 221 responden dengan peratusan sebanyak 0.5%. Kesimpulannya, majoriti mendapat skor sebanyak 36% (9 daripada 25 soalan) dengan kekerapan responden sebanyak 11.3%. Manakala, yang paling sedikit adalah skor sebanyak 88% (22 daripada 25) dan 100% (25 daripada 25) dengan kekerapan satu daripada 221 orang responden (0.5%). Selain itu, mendapat markah penuh iaitu 100% (25 daripada 25) hanyalah seorang dengan peratusan sebanyak 0.5%. Manakala yang mendapat markah paling rendah adalah 12% (3 daripada 25) dengan kekerapan sebanyak dua orang sahaja (0.9%).



Rajah 26: Skor keseluruhan bagi ujian literasi geografi aras rendah

Sumber: Kajian Lapangan (2020)

Berdasarkan Rancangan Instruksional Kursus Bandar dan Metropolitan, terdapat empat tahap dalam skala penggredan. Tahap Cemerlang (A) mestilah dalam lingkungan 75% sehingga 100%. Manakala tahap Baik (B) adalah 60% sehingga 74%. Bagi tahap Sederhana (C) pula, julat markah haruslah sebanyak 45% sehingga 59%. Akhirnya, julat markah bagi tahap Lemah (D) adalah 0% sehingga 44%.

Jadual 6: Skala Penggredan Kursus Geografi UPSI



Skala penggredan	Julat Markah (%)
Cemerlang (A)	75-100
Baik (B)	60-74
Sederhana (C)	45-59
Lemah (D)	0-44

Sumber: Rancangan Instruksional Kursus Bandar dan Metropolitan (2018)

Jadual 7 menunjukkan tahap literasi aras rendah mahasiswa pendidikan geografi UPSI mengikut soalan. Tahap literasi geografi ini dibagikan kepada empat iaitu Cemerlang, Baik, Sederhana dan Lemah. Berdasarkan dapatan kajian, terdapat enam soalan yang dijawab dengan cemerlang oleh responden iaitu item item 1 dan 5 dalam konteks Malaysia, item 5 dalam konteks dunia dan item 3,4 dan 5 untuk literasi bendera.

Manakala, tahap Baik pula adalah item 4 dalam konteks Malaysia. Selain itu, Item 1 dan 2 dalam konteks bendera. Selain itu, tiada item dalam konteks dunia mencapai tahap Baik. Manakala, tahap sederhana pula adalah item 3 dalam konteks Malaysia dan item 2 dan 9 dalam konteks dunia. Akhirnya, sebanyak 13 item berada dalam tahap yang Lemah iaitu item 2 dan 6 dalam konteks Malaysia dan item 1, 3, 4, 6, 7, 9, 10, 11, 12, 13 dan 14.

Jadual 7: Tahap literasi geografi aras rendah mahasiswa pendidikan geografi UPSI mengikut soalan



Soalan/item	Cemerlang	Baik	Sederhana	Lemah
<i>Literasi rendah konteks Malaysia</i>				
1. Selat yang memisahkan Semenanjung Malaysia dengan kepulauan Sumatera	*			
2. Negara yang mempunyai iklim yang sama dengan Malaysia				*
3. Gunung yang tertinggi di Semenanjung Malaysia			*	
4. Rakan dagang utama Malaysia		*		
5. Pembekal bawang tertinggi di Malaysia	*			
6. Kadar Kelahiran Kasar tertinggi di Malaysia				*
<i>Literasi rendah konteks dunia</i>				
1. Sepadan negara dalam <i>Golden Triangle</i> di Asia Tenggara				*
2. Lautan yang memisahkan benua Amerika dengan Asia			*	
3. Terusan yang menghubungkan				*





Lautan Atlantik dengan Lautan Pasifik

- | | | |
|--|---|---|
| 4. Selat yang memisahkan benua Eropah dan Afrika | | * |
| 5. Negara yang menghasilkan gas Karbon Dioksida tertinggi di Asia Tenggara | * | |
| 6. Negara yang menyambut Hari Natal pada musim panas (summer) | | * |
| 7. Iklim yang bersalji di Afrika Selatan | | * |
| 8. Benua bagi negara Mesir | | * |
| 9. Negara yang mengeluarkan minyak mentah tertinggi di dunia | | * |
| 10. Negara yang mengeluarkan minyak sawit tertinggi di dunia | | * |
| 11. Asal usul negara pelarian tertinggi di dunia | | * |
| 12. Negara yang mempunyai jumlah populasi muslim tertinggi di dunia | | * |
| 13. Ibu negara Korea Utara | | * |
| 14. Sepadan negara Korea Utara dan Korea Selatan | | * |

Literasi bendera dunia


- | | | |
|----------------|---|---|
| 1. Korea Utara | | * |
| 2. Iran | | * |
| 3. Vietnam | * | |
| 4. Kanada | * | |
| 5. India | * | |

Sumber: Kajian lapangan (2020)

Rajah 31 menunjukkan peratusan tahap skor literasi geografi dalam kalangan responden dan mendapati majoriti tahap literasi geografi aras rendah dalam kalangan responden adalah lemah. Sebanyak 90 daripada 221 orang responden mempunyai tahap literasi geografi aras rendah yang rendah dengan peratusan sebanyak 41%. Selain itu, sebanyak 50 daripada 221 responden mempunyai tahap yang sederhana dengan peratusan sebanyak 23%. Selain itu, tahap yang baik menunjukkan kekerapan sebanyak 58 orang responden dengan peratusan sebanyak 26%. Akhirnya, yang paling sedikit adalah tahap yang cemerlang iaitu sebanyak 23 daripada 221 responden



dengan peratusan sebanyak 10% sahaja. Rumusannya, majoriti mahasiswa pendidikan geografi mempunyai tahap literasi geografi aras rendah yang lemah manakala hanya sebahagian kecil sahaja mempunyai tahap literasi yang tinggi dengan perbezaan sebanyak 67%. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa literasi geografi aras rendah dalam kalangan mahasiswa pendidikan geografi di UPSI adalah berada di tahap yang sederhana (51.74%).



Rajah 31: Peratusan tahap skor literasi geografi aras rendah responden

Sumber: Kajian lapangan (2020)

4.5 Faktor-faktor yang menentukan tahap literasi geografi dalam kalangan mahasiswa geografi UPSI

Jadual 8 menunjukkan dapatan daripada analisis regresi yang dijalankan bagi menentukan faktor-faktor yang menentukan tahap literasi geografi dalam kalangan mahasiswa geografi UPSI. Maklumat yang dinyatakan dalam Jadual 8 termasuklah nilai koefisien, nilai-t, nilai signifikan dan VIF. Berdasarkan kepada Jadual 8, dapat dirumuskan bahawa pembolehubah-pembolehubah bebas yang digunakan hanya berupaya menjelaskan 8.4% perbezaan tahap literasi geografi dalam kalangan responden. Di samping itu, hanya terdapat beberapa pembolehubah bebas yang mempunyai nilai signifikan pada aras keertian 0.05. Misalnya, pembolehubah X_1 , X_6 , X_7 dan X_{11} manakala pembolehubah-pembolehubah lain langsung tidak mempunyai hubungan yang signifikan dalam menentukan perbezaan tahap literasi geografi dalam kalangan responden.

Daripada empat pembolehubah bebas yang dinyatakan di atas sebagai pembolehubah yang menentukan perbezaan tahap literasi geografi dalam kalangan

responden, didapati hanya pembolehubah X_7 iaitu kekerapan membaca buku mempunyai hubungan yang positif. Ini bermakna, setiap 0.137 kali peningkatan kekerapan membaca buku dalam setahun menentukan tahap literasi geografi dalam kalangan responden. Sementara itu, pembolehubah-pembolehubah X_1 , X_6 dan X_{11} mempunyai hubungan yang negatif dengan tahap literasi geografi dalam kalangan responden, walaupun daripada segi teori mengandaikan bahawa pembolehubah-pembolehubah ini hubungan yang positif. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh variasi respon yang diberikan tidak banyak.

Jadual 8: Dapatan daripada analisis regresi

	Koefisien	nilai-t	Signifikan	VIF
Konstan	3.378	4.960	.000	
X_1	-.294	-1.968	.050***	1.058
X_2	-.143	-.955	.341	1.087
X_3	.026	.905	.367	1.042
X_4	.061	.308	.759	1.214
X_5	-.116	-.892	.374	1.318
X_6	-.314	-2.237	.026***	1.149
X_7	.137	2.906	.004***	1.153
X_8	.040	.349	.727	1.085
X_9	-.098	-1.385	.168	1.147
X_{10}	.081	.583	.560	1.198
X_{11}	-.503	-2.587	.010***	1.115
<i>Statistik model</i>				
	n	221		
	Adj. R^2	0.084		
	Standard error of the estimation	0.997		
	Statistik - F	2.839		

Nota: *** signifikan pada aras keertian 0.05; X_1 sehingga X_{11} masing-masing mewakili pembolehubah lokasi, jantina, semester, minat, minat semasa kecil, minat ahli keluarga, kekerapan membaca dalam setahun, kebolehan berbahasa Inggeris, pendapatan ibubapa, kekerapan melancong dalam dan luar negara.

5. Rumusan dan Perbincangan

Dapatan kajian mendapati bahawa literasi geografi aras rendah dalam kalangan mahasiswa pendidikan geografi di UPSI adalah berada di tahap yang sederhana



(51.74%). Hanya 10% sahaja dalam kalangan mahasiswa pendidikan geografi di UPSI mempunyai tahap literasi geografi yang cemerlang manakala sebanyak 41% mempunyai tahap literasi geografi aras rendah yang lemah. Maka, penyelidik menyenaraikan langkah-langkah untuk meningkatkan literasi geografi aras rendah berdasarkan dapatan kajian yang dinyatakan sebelum ini.

Majoriti mahasiswa pendidikan geografi UPSI membaca sebanyak satu hingga tiga buah buku dalam setahun dengan bilangan sebanyak 86 responden (38.9%). Selain itu, kekerapan yang kedua banyak adalah empat hingga enam buah iaitu sebanyak 61 daripada 221 responden (27.6%). Lebih menyedihkan lagi, dilaporkan sebanyak 1.8% iaitu sebanyak empat daripada 221 responden langsung tidak membaca dalam mana-mana buku, E-buku, majalah dan surat khabar dalam setahun.

Dapatan kajian ini menunjukkan mahasiswa pendidikan geografi di UPSI kurang membaca dalam setahun dan dapatan daripada analisis regresi menunjukkan terdapat hubungan yang positif dalam menentukan tahap literasi geografi dalam kalangan mereka. Membaca dapat memberikan maklumat dan input penting kepada pembaca tanpa memerlukan kos yang tinggi berbanding perkara-perkara lain seperti melancong ke luar negara. Mereka yang tidak membaca akan jarang terdedah dan mempelajari perkara-perkara yang baharu. Maka, mahasiswa perlulah memperbanyakkan membaca untuk meningkatkan tahap literasi geografi yang lebih baik.

Walaupun kajian yang dijalankan ini mencapai matlamat yang digariskan tetapi ia gagal menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan bagi kebanyakan pembolehubah bebas yang digunakan. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kurangnya variasi respon dan latar belakang responden yang digunakan dalam kajian ini. Justeru, penting bagi kajian pada masa hadapan untuk mempelbagaikan pemilihan responden yang mewakili pelbagai bidang pengajian dan latar belakang sosioekonomi responden.

Rujukan

- Department of Geography. (2016). *A study of young people's geographical knowledge, global awareness, and attitudes toward geography education*. San Diego State University.
- Edelson, D. C. (2011). *Geo-literacy. Preparation for 21st century decision making*. National geographic Society. Washington DC.
- Eve, R. A., Price, B., & Counts, M. (1994). Geographic illiteracy among college students. *Youth and Society*, 25, 408-427.
- Jabatan Geografi dan Alam Sekitar. (2017). *Rancangan instruksional geografi bandar dan metropolitan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim: Perak
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 1*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.



Kumaran, L., Abdullah, D., & Tham, J. (2015, 28 Mac). Local teens fare poorly in general knowledge, survey shows. *The Malay Mail*.

Mohd Faris Dziauddin. (2017). Menilai literasi geografi dalam kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah di malaysia. *Geografi*, 5 (2), 27-38.

National Geographic dan Council on Foreign Relations. (2016). *What college-aged student know about the world: A survey on global literacy*. National Geographic Education Foundation. Washington DC.

National Geographic Roper (2002). *Global geographic literacy survey*. National Geographic Education Foundation. Washington DC.

National Geographic Roper (2006). *Final Report Geographic literacy study*. National Geographic Education Foundation. Washington DC.

National geographic. (2021). *Definition of geography*. Diperoleh daripada <https://nationalgeographic.org>

North Carolina Geographic Alliance (2020). *Geographic literacy*. Diperoleh daripada <https://geo.appstate.edu/>

Oigara, J. (2006). *A Multi method study of background experiences influencing levels of geography literacy*. Disertasi Ph. D (tidak diterbitkan), State of University of New York, Binghamton.

Ottati, D.F. (2015). *Geographical literacy, attitudes, and experiences of freshman students: A qualitative study at Florida International University*. Ph.D. Dissertation (unpublished), Florida International University, Florida.

Turner, S., & Leydon, J. (2012). Improving geographic literacy among first-year undergraduate students: Testing the effectiveness of online quizzes. *Journal of Geography*, 2, 37-41.